

SUSULAN 4 HILANG

Temui petunjuk baru



SEMUA aset APMM digunakan dalam operasi mencari.

■ Pasukan mencari jumpa bot dan dua enjin sangkut

Ardyhansah Amat

Misteri kehilangan empat individu termasuk tiga warga asing di perairan daerah ini sejak seminggu lalu menemui petunjuk baru berikutan penemuan sebuah bot dan dua enjin sangkut di 2.8 batu nautika di utara Simpang Mengayau, di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 10 pagi, bot dan enjin sangkut itu ditemui sekumpulan nelayan yang keluar memukat di kawasan berkenaan.

Pengarah Maritim Wila-

yah Sabah dan Labuan Lak-samana Pertama Maritim Mohd Zubil Mat Som berkata, satu daripada enjin bot berkenaan berjaya dinaikkan kumpulan nelayan terbabit sebelum menghantarnya ke jeti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

“Difahamkan, enjin bot berkenaan tersangkut pada pukuk nelayan terbabit dan mereka cuba menaikannya sebelum memaklumkan perkara itu kepada APMM.

“Adik seorang daripada mangsa Lam Wai Yin Tommy, 45, turut mengesahkan enjin berkenaan di-

gunakan oleh abangnya ketika ke Pulau Balambangan sebelum mereka dilaporkan hilang, Isnin lalu,” katanya kepada media, di sini, semalam.

Sehubungan itu, Mohd Zubil berkata, pihaknya menggerakkan aset bagi menanda kawasan berkenaan dan meminta bantuan pasukan penyelam APMM dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

“Kita memerlukan penyelam berkemahiran tinggi memandangkan kedalaman perairan di kawasan tersebut antara 23 hingga 40 meter selain arusnya yang kuat.

“Jika kita dapat mengeluarkan bot dan sebuah lagi enjin sangkut berkenaan

serta disahkan digunakan mangsa ketika kejadian, operasi mencari dan menyelamat (SAR) akan menjadi operasi mencari orang dalam air,” katanya.

Operasi yang kini memasuki hari keenam semalam membabitkan kawasan seluas 2,700 batu nautika persegi dengan memfokuskan bahagian timur laut Pulau Mengalum kira-kira 140 batu nautika dari Tanjung Simpang Mengayau.

Selain Tommy yang juga warga China pemilik sebuah resort di Tanjung Simpang Mengayau, dua warga Sepanyol, David Hernandez Gasulla, 30, dan Martha Miguel, 30, serta seorang wanita tempatan, Armella Ali Hassan, 23, turut dilaporkan hilang ketika dalam perjalanan pulang dari Pulau Balambangan ke Tanjung Simpang Mengayau.

FAKTA

Operasi mencari masuk hari keenam babitkan kawasan seluas 2,700 batu nautika persegi

ANGGOTA penyelamat meneruskan usaha mencari empat individu yang hilang.

